

MAHATHIR-PAS

1978

KUALA LUMPUR, 22 JUN (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENUDUH PAS BEKERJASAMA DENGAN DAP DALAM PILIHANRAYA UMUM INI UNTUK MEMECAHKAN UNDI MELAYU.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA BARISAN NASIONAL DAN UMNO KINI SEDANG MEMBUAT SATU ANALISA MENGENAI +KERJASAMA+ ITU.

ANALISA ITU APABILA SIAP TIDAK LAMA LAGI AKAN DIJELASKAN KEPADA UMUM, KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MENGHADIRI SATU MESYUARAT PARTI DI RUMAH UMNO DI SINI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA SEORANG NAIB PRESIDEN UMNO MENEGASKAN PAS MELETAKKAN CALUN-CALUNNYA MENENTANG UMNO DALAM PILIHANRAYA INI SEMATA-MATA UNTUK MEMECAHKAN UNDI MELAYU.

+ITULAH SEBABNYA PAS MELETAKKAN CALUN-CALUNNYA DI KAWASAN-KAWASAN MELAYU DAN TIDAK DI KAWASAN-KAWASAN LAIN SEPERTI DI PULAU PINANG.+

+INILAH JALANNYA UNTUK MEMECAHKAN UNDI MELAYU,+ TAMBAH BELIAU.

— BERSAMBUNG 1531/YF

MAHATHIR-PAS 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA UNTUK MENCAPAI MATLAMAT ITU, PAS WALAUPUN TERPAKSA BEKERJASAMA DENGAN DAP AKAN MELAKUKANNYA DEMI UNTUK MEMECAHKAN UNDI MELAYU.

+PAS AKAN MELAKUKAN INI WALAUPUN MEREKA SEDAR DAP TIDAK MENERIMA DASAR EKONOMI BARU NEGARA,+ TEGASNYA.

BELIAU BERKATA MUSUH PAS HANYALAH UMNO DAN INILAH SEBABNYA MENGAPA IA MENYERANG UMNO DAN TIDAK PERNAH MENKRITIK DAP.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENYEBUT TENTANG KEMUNGKINAN DAP MENGALAMI PERPECAHAN BERLANJUTAN BERIKUTAN PERLETAKAN JAWATAN TOKOH-TOKOH DAN AHLINYA.

MENURUTNYA, INI ADALAH KERANA KEBANYAKAN DARI AHLI-AHLI PARTI ITU TIDAK MEMPUNYAI PRINSIP +JIKA TIDAK MEREKA TIDAK AKAN MELAKUKANNYA (MELETAKKAN JAWATAN). — BERSAMBUNG 1544/YF

MAHATHIR-PAS 3 KUALA LUMPUR

MENGULAS TENTANG KEPUTUSAN YANG DIPERTUA AGUNG PAS DATUK ASRI MUDA BERTANDING DI KAWASAN PARLIMEN PADANG TERAP, KEDAH, BELIAU BERKATA TOKOH PARTI ITU TIDAK MEMPUNYAI PRINSIP.

INI, KATANYA, ADALAH SATU BUKTI BAHAWA TOKOH PAS ITU TELAH GAGAL DALAM CITA-CITANYA HENDAK MENGUJUDKAN KERAJAAN ISLAM DI KELANTAN YANG TELAH DIPERINTAHNYA SELAMA 19 TAHUN.

+ITULAH SEBABNYA KETUA PAS ITU BERPINDAH KE KEDAH UNTUK BERTANDING,+ KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA UMNO DAN BARISAN NASIONAL BAGAIMANAPUN TIDAK +TAKUT+ MENGHADAPI KETUA PAS ITU DI KEDAH.

+KITA AKAN MENGGUNAKAN JENTERA PILIHANRAYA YANG BIASA — YANG SUDAH TERSEDIA — UNTUK MENGHADAPINYA.

+MUNGKIN PADANG TERAP KALI INI AKAN MENJADI (PERANGKAP) KEPADANYA,+ KATA BELIAU.

— BERSAMBUNG 1600/LK

MAHATHIR-PAS 4 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENEGASKAN PELUANG BARISAN NASIONAL MEMENANGI PILIHANRAYA UMUM KALI INI ADALAH BAIK.

KATANYA, WALAUPUN KEMENANGAN KALI INI MUNGKIN TIDAK SEBAIK PILIHANRAYA UMUM 1974 DULU TETAPI IA PASTI LEBIH BAIK DARI KEPUTUSAN PILIHANRAYA TAHUN 1969.

BELIAU MENJELASKAN KEPUTUSAN PILIHANRAYA BARISAN NASIONAL DALAM TAHUN 1974 Amatlah baik kerana +KITA BANYAK MENANG TANPA BERTANDING DISEBABKAN PAS SEMASA BERADA DALAM BARISAN TIDAK BERTANDING DI KAWASAN-KAWASAN ITU.

BELIAU JUGA MENGULAS TENTANG AHLI-AHLI PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL YANG BERTANDING SEBAGAI CALUN BEBAS DALAM PILIHANRAYA KALI INI.

KATANYA: --BARISAN NASIONAL TIDAK AKAN MENERIMA MEREKA SEMULA KE DALAM PANGKUAN WALAUPUN MEREKA MENANG DALAM PILIHANRAYA.

+KITA TIDAK AKAN MENERIMA MEREKA SEBAGAI AHLI BARISAN WALAUPUN MEREKA DITERIMA SEMULA MEMASUKI

PARTI-PARTI KOMPONEN MEREKA,+ TEGASNYA.

— BERSAMBUNG 1626/LK

MAHATHIR-PAS 5 KUALA LUMPUR

MENGENAI KEPUTUSAN BARISAN NASIONAL TIDAK MELETAKKAN CALUNNYA DI KAWASAN PARLIMEN KINABATANGAN, SABAH, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJELASKAN INI ATALAH KERANA KEDUA-DUA PARTI KOMPONEN - BERJAYA DAN USNO - TIDAK LAPAT MENETAPKAN SIAPAKAH MEMPUYAI SOKONGAN LEBIH BESAR DI KAWASAN ITU.

+ITULAH SEBABNYA KEDUA-DUA PARTI ITU DIBENARKAN MENYOKONG MANA-MANA CALUN BEBAS DAN CALUN YANG MENANG ADA KEMUNGKINAN DITERIMA MENJADI AHLI BARISAN NASIONAL.

BELIAU BAGAIMANAPUN MENEGASKAN INI TIDAKLAM BERMAKNA BARISAN NASIONAL TIDAK BERTANDING TEGAS DALAM SOAL ITU KERANA +JIKA TIDAK TEGAS KITA TIDAK AKAN DAPAT MEMBUAT KEPUTUSAN ITU.+

TIMBALAN PERDANA JUGA TELAH MENJELASKAN KEDUDUKAN MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN WILAYAH PERSEKUTUAN HAJI HASSAN ADLI YANG TELAH KELUAR DARI BERJASA DAN MASIH TIDAK MEMPUYAI PARTI BERTANDING ATAS TIKET BARISAN NASIONAL DI KAWASAN PARLIMEN BAGAN DATOH.

KATANYA: +HAJI HASSAN ADALAH KES KHAS YANG TELAH DIBERI KELONGGARAN OLEH BARISAN NASIONAL KERANA KEADAAN KUCAR-KACIR DALAM PIMPINAN PARTI BERJASA.

+SEPATUTNYA BELIAU BERTANDING SEBAGAI CALUN BERJASA TETAPI KITA BERASA RAGU-RAGU BERIKUTAN KRISIS DALAM PARTI ITU.

MAHATHIR-PAS 6 KUALA LUMPUR

+JIKA BELIAU BERTANDING SEBAGAI CALUN BERJASA DAN AKIBAT KRISIS PIMPINAN PARTI ITU KITA RAGU-RAGU MUNGKIN KERTAS PENAMAAN CALUNNYA SEBAGAI CALUN BERJASA DITOLAK.

+KITA TIDAK BOLEH MENGAMBIL RISIKO DAN ITULAH SEBABNYA KITA MEMBERIKAN KELONGGARAN KEPADANYA BERTANDING ATAS TIKET BARISAN WALAUPUN IA TIDAK BERPARTI.+

— BERNAMA 1635/LK